



Good Food, Good Life

## **PERADUAN TEKA & MENANG**

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **Jadual Syarat – syarat Kelayakan**

<b>1. <u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
<b>2. <u>Peraduan:</u></b>	PERADUAN Teka & Menang (“Peraduan”)
<b>3. <u>Tempoh Peraduan:</u></b>	Peraduan bermula pada 01/04/2021 jam 00:00:00 dan tamat pada 31/05/2021 jam 23:59:59. (“Tempoh Peraduan”)
<b>4. <u>Kelayakan:</u></b>	Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah berumur di antara 18 tahun dan ke atas pada tarikh bermulanya peraduan ini. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk meminta bukti pengesahan pengenalan.
<b>5. <u>Langkah – langkah Penyertaan:</u></b>	<p>a. Untuk menyertai Peraduan ini, para peserta dikehendaki membuat pembelian apa jua produk makanan dan minuman <i>NESTLÉ PROFESSIONAL</i> [“Produk”] seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Dari Mamak/Kedai kopi – apa jua produk MILO ** / NESCAFÉ** /Mi MAGGI</li><li>ii) Dari Restoran Perkhidmatan Penuh (FSR), Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), Hotel, Kafe &amp; Kedai Kek – hidangan kombo* dengan minuman <i>NESTLÉ PROFESSIONAL</i> atau apa jua minuman <i>NESTLÉ PROFESSIONAL</i>*. Set makanan yang telah ditetapkan seperti yang ditawarkan oleh kedai yang relevan bersempena dengan Peraduan.</li></ul> <p>** Termasuk minuman Ready-To-Drink MILO/NESCAFÉ Original sepanjang tempoh Peraduan.</p> <p>Bagi mendapatkan senarai lengkap kedai – kedai yang mengambil bahagian, sila layari ke: <a href="https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-teka-dan-menang">https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-teka-dan-menang</a>.</p>

Senarai kedai -kedai yang mengambil bahagian akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Peserta adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada senarai tersebut sekerap mungkin untuk mendapatkan perkembangan terkini.

b. Bukti Pembelian ["BP"] yang diperlukan adalah :

- Satu [1] resit pembelian yang dicetak oleh kedai –kedai yang mengambil bahagian dengan butiran nama kedai tersebut, tarikh pembelian, produk yang dibeli dan harga ["Butiran Resit"]; ATAU
- Satu [1] Kupon Peraduan dengan Nombor Siri unik yang dikeluarkan oleh mana – mana kedai yang mengambil bahagian. Kedai – kedai tersebut boleh memilih sama ada untuk mengeluarkan satu [1] Kupon Peraduan untuk mana – mana pembelian atau atas permintaan Peserta.

c. Penyertaan dalam Peraduan ini hanya dibenarkan melalui Laman Mikro sahaja yang diperincikan di bawah. Cara penyerahan penyertaan yang lain tidak akan diterima. **Setiap BP hanya layak untuk satu [1] penyertaan melalui Laman Mikro.** Penganjur berhak untuk membatalkan mana – mana penyertaan yang didapati menggunakan salinan BP dan / atau mempunyai lebih dari satu [1] BP.

d. Langkah – langkah penyertaan – Resit / Kupon:

- Peraduan di dalam Laman Mikro akan diuruskan oleh pembekal perkhidmatan Penganjur Peraduan dan dihoskan melalui pautan berikut:-
  - Untuk Restoran Perkhidmatan Penuh (FSR)  
<https://discover.com.my/nptekadanmenang/fsr>
  - Untuk Restoran Segera (QSR)  
<https://discover.com.my/nptekadanmenang/qsr>
  - Untuk Hotel  
<https://discover.com.my/nptekadanmenang/hotel>
  - Untuk Kafe & Kedai kek  
<https://discover.com.my/nptekadanmenang/cafe-bakery>
  - Untuk Kedai Jalanan  
<https://discover.com.my/nptekadanmenang/streets>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mengakses peraduan Laman Mikro, Peserta dikehendaki menggunakan telefon pintar untuk mengimbas kod QR yang boleh didapati di bahan promosi peraduan yang dipamerkan di kedai – kedai yang mengambil bahagian. Peserta boleh mendapatkan bantuan pekerja –pekerja di kedai – kedai yang mengambil bahagian untuk mengakses QR kod tersebut.</li> <li>• Menyediakan butiran yang dikehendaki oleh Laman Mikro (“Butiran yang diperlukan”)</li> <li>• Tangkap dan hantar satu [1] gambar di dalam format gambar, satu [1] resit asal atau kupon yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> ke Laman Mikro. Peserta adalah diingatkan untuk menyimpan bukti pembelian yang asal walaupun gambar bukti pembelian telah dihantar. Pihak Penganjur memerlukan bukti pembelian asal untuk tujuan pengesahan jika peserta disenarai pendek untuk memenangi hadiah mengikut terma Peraduan ini.</li> <li>• Setelah berjaya menghantar butiran yang dikehendaki dan gambar jelas bukti pembelian, Peserta akan diarahkan untuk mengambil bahagian dalam permainan mudah alih yang terdapat di dalam Laman Mikro.</li> <li>• Cara main permainan mudah alih ini ialah meneka kedudukan dan menyesuaikan padan "Hidangan Terpilih" dalam tempoh yang ditetapkan.</li> <li>• Satu (1) pesanan akan dipaparkan kepada Peserta yang berjaya di mana mereka berpeluang untuk memenangi nombor Cabutan Bertuah dan/ atau hadiah eDuit Raya.</li> </ul> <p>e. Pihak Penganjur TIDAK AKAN menghantar perakuan penerimaan untuk setiap penyertaan yang diterima.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak Penganjur akan membatalkan semua penyertaan yang mengandungi butiran yang tidak lengkap dan/atau gambar bukti pembelian yang tidak jelas/tidak boleh dibaca atau tidak lengkap dan/atau jika bukti pembelian pernah dihantar sebelum ini.</li> <li>• Walau bagaimanapun, setelah menerima penyertaan dan/atau dalam pemilihan pemenang, yang mana berkaitan, pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti selanjutnya sewaktu dalam proses Penyertaan termasuklah meminta bukti asal pembelian dan dokumen identifikasi untuk pengesahan sebelum penyampaian hadiah dilakukan. Kegagalan untuk menyerahkan mana – mana dokumen yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan kelayakan dan hadiah ditarik balik.</li> </ul>
--	--

<p><b>6. <u>Tempoh Penyertaan:</u></b></p>	<p>a. Semua penyertaan peraduan hendaklah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 31/05/2021 jam 23:59:59. Semua penyertaan peraduan yang diterima selepas waktu yang ditetapkan, akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>b. Untuk penyertaan mingguan, penyertaan hendaklah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada tarikh akhir setiap peraduan mingguan seperti yang dijadualkan di bawah.</p>
<p><b>7. <u>Hadiah:</u></b></p>	<p>Sejumlah 9,015 Hadiah ditawarkan oleh pihak Penganjur untuk Peraduan ini .</p> <p><b><u>HADIAH CABUTAN BERTUAH</u></b></p> <p>a. <b><u>HADIAH UTAMA x 5</u></b> Motosikal Berjenama (tidak termasuk pendaftaran, insuran dan cukai jalan).</p> <p>b. <b><u>HADIAN TEMPAT PERTAMA x 5</u></b> Tablet berjenama</p> <p>c. <b><u>HADIAH TEMPAT KEDUA x 5</u></b> Telefon Pintar berjenama</p> <p><b><u>HADIAH TUNAI MINGGUAN</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>eDuit Raya bernilai RM5.00 x 1000 setiap minggu x 9 minggu</b></li> </ul> <p>Terhad kepada 1000 pemenang terawal setiap minggu.</p>
<p><b>8. <u>Butiran Penghakiman</u></b></p>	<p><b><u>Pengesahan Penyertaan</u></b></p> <p>a. Gambar bukti pembelian yang jelas menunjukkan produk, nombor resit, tarikh, harga pembelian dan nama kedai.</p> <p>b. Pengesahan tarikh pembelian.</p> <p>c. Tiada perubahan resit dalam bentuk apa sekalipun; nama kedai, produk yang dibeli, harga dan tarikh pembelian.</p> <p>d. Penyertaan Layak: setelah penyertaan disahkan, satu mesej melalui SMS akan dihantar kepada pemenang yang layak sebagai pemberitahuan yang mereka telah memenangi Nombor Cabutan Bertuah dan/atau hadiah tunai mingguan.</p> <p>e. Cabutan Bertuah akan diadakan satu minggu selepas peraduan tutup untuk memilih 15 Pemenang Cabutan Bertuah.</p>

<p><b>9. <u>Pemilihan Pemenang - Hadiah Mingguan</u></b></p>	<p><b><u>HADIAH TUNAI MINGGUAN</u></b></p> <p>Peserta dikira memenangi Hadiah Mingguan RM5 dan Nombor Cabutan Bertuah sekiranya peserta:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Merupakan salah seorang daripada 1000 peserta terawal yang berjaya menyesuaikan padan “Hidangan Terpilih” dalam tempoh yang ditetapkan; dan</li> <li>b. menerima mesej pengesahan bahawa mereka berpeluang untuk memenangi hadiah setelah bermain permainan mudah alih; dan</li> <li>c. menyediakan semua butiran yang dikehendaki bersama – sama dengan gambar bukti pembelian yang jelas; dan</li> <li>d. memenuhi syarat kelayakan (lihat Perenggan 4 “Kelayakan” di atas) yang ditetapkan oleh pihak Penganjur; dan</li> <li>e. menjadi salah seorang daripada 1000 peserta terawal yang berjaya menyempurnakan syarat –syarat yang disenaraikan di atas.</li> </ol> <p>Kesemua 9000 jumlah penyertaan yang menang (satu ribu (1000) pada setiap minggu) akan dipilih sepanjang tempoh Peraduan seperti jadual berikut:</p> <table border="0"> <tr> <td>- MINGGU 1</td> <td>1 April 2021 – 7 April 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 2</td> <td>8 April 2021 – 14 April 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 3</td> <td>15 April 2021 – 21 April 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 4</td> <td>22 April 2021 – 28 April 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 5</td> <td>29 April 2021 – 6 Mei 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 6</td> <td>7 Mei 2021 – 13 Mei 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 7</td> <td>14 Mei 2021 – 20 Mei 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 8</td> <td>21 Mei 2021 – 27 Mei 2021</td> </tr> <tr> <td>- MINGGU 9</td> <td>28 Mei 2021 – 31 Mei 2021</td> </tr> <tr> <td>-</td> <td></td> </tr> </table> <p>Peserta yang berjaya menyesuaikan padan Hidangan Terpilih dalam tempoh yang ditetapkan tetapi <b>BUKAN</b> termasuk di dalam satu ribu [1000] peserta terawal hanya akan menerima nombor cabutan bertuah. Peserta tersebut tidak akan memenangi hadiah mingguan RM 5.</p>	- MINGGU 1	1 April 2021 – 7 April 2021	- MINGGU 2	8 April 2021 – 14 April 2021	- MINGGU 3	15 April 2021 – 21 April 2021	- MINGGU 4	22 April 2021 – 28 April 2021	- MINGGU 5	29 April 2021 – 6 Mei 2021	- MINGGU 6	7 Mei 2021 – 13 Mei 2021	- MINGGU 7	14 Mei 2021 – 20 Mei 2021	- MINGGU 8	21 Mei 2021 – 27 Mei 2021	- MINGGU 9	28 Mei 2021 – 31 Mei 2021	-	
- MINGGU 1	1 April 2021 – 7 April 2021																				
- MINGGU 2	8 April 2021 – 14 April 2021																				
- MINGGU 3	15 April 2021 – 21 April 2021																				
- MINGGU 4	22 April 2021 – 28 April 2021																				
- MINGGU 5	29 April 2021 – 6 Mei 2021																				
- MINGGU 6	7 Mei 2021 – 13 Mei 2021																				
- MINGGU 7	14 Mei 2021 – 20 Mei 2021																				
- MINGGU 8	21 Mei 2021 – 27 Mei 2021																				
- MINGGU 9	28 Mei 2021 – 31 Mei 2021																				
-																					
<p><b>10. <u>Pemilihan Pemenang - Hadiah Cabutan Bertuah</u></b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang cabutan bertuah, pihak Penganjur akan mengumpulkan kesemua nombor cabutan bertuah yang dikeluarkan untuk setiap penyertaan yang diterima dan meluluskan penyertaan mana yang berjaya setiap minggu sepanjang tempoh promosi. (setiap “Penyertaan yang Layak” dan secara kolektif, “Penyertaan-penyertaan yang Layak”)</li> </ol>																				

	<p>b. Nombor Cabutan Bertuah yang diberikan kepada setiap penyertaan yang layak akan dijadualkan dan ditambah menjadi kesemua jumlah penyertaan yang layak (“Jumlah Penyertaan yang Layak”). Andaikan kesemua jumlah penyertaan yang layak adalah 5678, pihak Penganjur akan mengira dan memilih Peserta yang disenarai pendek menjadi finalis untuk memenangi hadiah berdasarkan perkiraan seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya 15 hadiah cabutan bertuah yang boleh dimenangi.</li> <li>• Untuk memilih pemenang, pihak Penganjur akan membahagikan jumlah andaian penyertaan yang layak sebanyak 5678 dengan 15 (Jumlah Nombor Hadiah Cabutan Bertuah) = 378.5.</li> <li>• Jumlah tersebut akan dibundarkan kepada 379. Kesemua 15 pemenang akan dipilih menerusi gandaan 379; ilustrasi contoh untuk 5 pemenang Hadiah Utama iaitu sebuah Motosikal Berjenama adalah 379, 758 (379+379), 1137 (758 + 379), 1516 (1137 + 379) and 1895 (1516 + 379).</li> <li>• Gandaan 379 berikutnya sehingga 6201 akan memenangi selebih 10 Hadiah Cabutan Bertuah. Dengan contoh diberi, 5678 adalah pemenang terakhir.</li> <li>• Kesemua peserta yang menang akan <b><u>dihubungi untuk menjawab Ujian Soalan Kemahiran</u></b>. Hanya peserta yang berjaya menjawab soalan dengan betul akan memenangi hadiah cabutan bertuah.</li> <li>• Peserta yang tidak dapat dihubungi oleh pihak Penganjur dan/atau jika peserta tidak dapat menjawab soalan ujian kemahiran dengan betul, peserta dengan nombor sebelumnya akan dipilih sebagai bakal pemenang i.e. jika peserta dengan nombor 379 tidak dapat dihubungi dan/ atau peserta tidak dapat menjawab soalan ujian kemahiran dengan betul, peserta ini akan disingkirkan dan peserta dengan nombor [378] akan dipilih sebagai bakal pemenang.</li> </ul>
<p>f. <b><u>Tuntutan /Penghantaran Hadiah</u></b></p>	<p>a. Hadiah – hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pembekal. Setakat yang dibenarkan oleh undang – undang, pihak Penganjur/Penaja Hadiah dan ejen – ejen mereka mengecualikan tanggungjawab dan liabiliti yang timbul berikutan apa – apa penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada hadiah – hadiah atau sebarang perkara – perkara yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur dan untuk sebarang perbuatan yang dilakukan oleh pembekal atau penjual – penjual pihak ke-tiga.</p>

	<p>b. Pihak Penganjur akan menghubungi kesemua pemenang yang berjaya melalui nombor telefon atau nombor telefon mudah alih yang diberikan oleh peserta sebagai salah satu butiran yang dikehendaki sekurang –kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.</p> <p>c. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi tidak mengira apa sahaja alasan.</p> <p>d. Pemenang hendaklah menyediakan bukti pembelian asal dan dokumen pengenalan untuk pengesahan dan tuntutan hadiah. Kegagalan untuk menyediakan dokumen – dokumen tersebut akan mengakibatkan kemenangan dan hadiah ditarik balik dan dibatalkan.</p> <p>e. Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum dua (2) hadiah sepanjang tempoh peraduan: Satu (1) hadiah cabutan bertuah dan satu (1) hadiah tunai mingguan. Peserta boleh menghantar seberapa penyertaan yang mereka ingini tetapi setiap penyertaan mestilah disertakan bukti pembelian yang berbeza.</p> <p>f. Kesemua hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Grab berdaftar dengan nombor telefon yang diberikan oleh peserta sebagai salah satu butiran yang dikehendaki dalam tempoh 15 hari bekerja setelah pengesahan kemenangan telah diberitahu.</p> <p>g. Senarai pemenang mingguan akan disiarkan di <a href="http://www.dearnestle.com.my">www.dearnestle.com.my</a> pada setiap Rabu manakala senarai pemenang cabutan bertuah akan disiarkan satu (1) minggu selepas tarikh cabutan bertuah.</p> <p>h. Hadiah – hadiah mestilah dituntut dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh pengisytiharan atau notis tuntutan hadiah, yang mana lebih awal. Kegagalan penuntutan hadiah dalam tempoh ini akan mengakibatkan kemenangan dan hadiah ditarik balik dan dibatalkan.</p> <p>i. Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan masa yang dinyatakan di atas jika terdapat alasan yang di luar kawalan pihak Penganjur.</p> <p>j. Pemenang hendaklah menerima hadiah atas dasar "sedia ada". Hadiah – hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukarkan kepada wang tunai. Pihak Penganjur tidak akan melayan sebarang aduan terhadap kualiti dan kuantiti hadiah – hadiah tersebut setelah hadiah – hadiah tersebut telah dituntut oleh Pemenang.</p> <p>k. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang berlaku ke atas hadiah – hadiah tersebut sewaktu proses penghantaran. Sebarang kos tambahan iaitu (tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai – cukai yang terpakai) yang terlibat untuk menuntut atau mengambil hadiah – hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.</p>
--	---

	<p>i. Sekiranya terdapat kerosakan pembuatan, pemenang hendaklah memulangkan semula hadiah yang tidak rosak dan di dalam bungkusan asal atas kos mereka sendiri kepada Penganjur untuk penggantian dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penghantaran hadiah tersebut yang mana jika gagal, hadiah tersebut tidak akan diganti.</p> <p>m. Gambaran hadiah –hadiah yang terdapat di mana – mana iklan, promosi publisiti dan apa – apa bahan yang berkaitan dengan peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi semata – mata dan tidak menggambarkan hadiah sebenar.</p> <p>n. Tuntutan hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan hadiah tersebut dan akan diberitahu oleh pihak Penganjur dari semasa ke semasa.</p> <p>o. Pihak penganjur berhak untuk menukar hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang sama nilai tanpa notis terlebih dahulu mengikut budi bicara mutlak Penganjur. Pihak Penganjur, agensi – agensi, sekutu – kutu, penaja – penaja dan wakil – wakil tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakan hadiah atau salah guna hadiah atau tuntutan , liabiliti, kerugian atau kerosakan yang berpunca atau berkaitan dengan peraduan ini.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.nestleprofessional.com.my/promotions-season>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua outlet/peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat.

---

## Syarat-syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.



- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

## **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

## **3. Tidak layak**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

## **4. Perlucutan Kelayakan**

- 4.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (a) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 4.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.
- 4.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

## 5. Hadiah

- 5.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 5.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 5.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 5.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.
  - (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 5.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 5.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 5.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **6. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **7. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

## **8. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

## **9. Had Liabiliti**

- 9.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 9.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

## **10. Am**

- 10.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 10.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 10.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 10.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan penguatkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 10.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 10.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

## **11. Notis Privasi**

- 11.1 Dengan menyertai Promosi, anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") memproses maklumat peribadi anda yang

dikemukakan dalam borang Penyertaan Promosi bagi tujuan Promosi. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lainlain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

- 11.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
- 11.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
- 11.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
- 11.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 11.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 11.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada

- Hubungi : Pegawai Perlindungan Data Peribadi.
- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web: <https://www.nestle.com.my/contactus>. Atau
- Hubungi kami: 1-800-88-3433.

- 11.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses Penyertaan anda dalam Promosi dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
- 11.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy). Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.

## **12. Privacy Notice**

- 12.1 By participating in the Promotion, You consent for Nestlé Products Sdn. Bhd. and any of its holding, subsidiary or related companies as defined in the Companies Act 2016 (“Nestlé Malaysia Group”) and service providers, agents and contractors who provide administrative and business support to us and act on our behalf (“Authorised Third Parties”) (collectively “Organiser”, “us”, “we” or “our”) to process your personal information provided in the Promotion entry form for purposes of the Promotion. This includes disclosing your name to the general public when you become a winner in a contest or participate in our events by publishing your name, photographs and other personal information without compensation for advertising and publicity purposes.
- 12.2 The Organiser may also use your personal information for purposes of contacting and sending to you marketing and promotional information or materials about our products, services, samples, any promotions, events or contests organised by the Organiser. Please indicate your option on the form if you agree to the use of your personal information for this purpose.
- 12.3 In the event that you agree to share and disclose personal information of a person whom you intend to refer to the Organiser, you acknowledge that you have obtained the consent of that person to share and disclose his/her personal information to us and to being contacted by us.
- 12.4 In respect of minors or individuals not legally competent to give consent, you confirm that they have appointed you to act for them and, to consent on their behalf to the processing of their personal information in accordance with this privacy notice.
- 12.5 At times the Organiser may retain Authorised Third Parties to process your personal information. All such Authorised Third Parties are contractually bound to take reasonable measures to keep information secure and not to use your personal information in any way other than that which is specified here and in our privacy policy at [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
- 12.6 The Organiser is a global company and your personal information may be transferred across borders. The Organiser will ensure that the country your data is transferred to has a similar or equivalent personal information protection laws in place, as set out in our privacy policy at [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).

12.7 To the extent that the applicable law allows, you have the right to request for access to, request for a copy of, request to update or correct, your personal information held by us.

All your written requests or queries should be addressed to:

- Contact: Personal Data Protection Officer
- Address: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Or

- Webform: <https://www.nestle.com.my/contactus>. ☐ Call us: 1-800-88-3433.

12.8 Please note the Organiser requires your personal information in order to process your participation in the Promotion, without which we will not be able to process your application.

12.9 For a more detailed description of our privacy practices, please refer to our Privacy Policy at [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy). We reserve the right to update and amend this privacy notice or our privacy policy from time to time.